

10/08/1999

Dr Siti Zaharah mesti lebih berani hadapi cabaran

Jamhariah Jaafar

SELEPAS berdiam diri selama seminggu, Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman akhirnya menemui akhbar untuk menjelaskan segala kekeliruan. Beliau bersetuju membatalkan keputusan rombakan anggota Exco dan meminta semua anggota pergerakan meneruskan usaha demi kepentingan parti dalam menghadapi pilihan raya akan datang.

Keputusan beliau membuat kenyataan itu mungkin tepat pada masanya kerana sudah ada ura-ura sebilangan pemimpin pergerakan itu mahu membuat usul tidak percaya kepada kepemimpinan beliau. Campur tangan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Ahmad Badawi juga mungkin tepat pada ketikanya kerana jika usul itu diteruskan, ia boleh menimbulkan masalah terutamanya ketika pilihan raya hampir tiba. Jika undi tidak percaya diteruskan, ia menyukarkan pergerakan itu untuk mengukuhkan kerjasama dan mengetepikan sebarang perbalahan yang akhirnya boleh merosakkan perpaduan. Tidak dapat dielakkan perpecahan mungkin berlaku.

Kesan tindakan Dr Siti Zaharah membuat rombakan Exco pergerakan itu Isnin minggu lalu diikuti campur tangan Majlis Tertinggi (MT) Umno yang meminta rombakan itu dibatalkan dua hari kemudian, sebenarnya memberi cabaran paling getir kepada Dr Siti Zaharah, sejak menjawat jawatan itu daripada Datuk Seri Rafidah Aziz pada 1996.

Berikutan tindakannya itu, seorang ahli jawatankuasanya dengan lantang mendedahkan pergerakan itu kini berpecah kepada tiga puak, satu di belakang Dr Siti Zaharah, satu menyokong bekas ketua pergerakan itu Datuk Seri Rafidah Aziz dan yang satu lagi di belakang Naib Ketuanya, Datuk Napsiah Omar.

Ketika Dr Siti Zaharah memenangi pemilihan Ketua Wanita pada 1996, ia adalah atas isu bahawa Rafidah tidak mendapat sokongan padu daripada ahli akar umbi kerana tidak ada masa untuk `bermesra' dengan mereka berikutan kesibukannya menjalankan tugas negara.

Justeru, pemilihan Dr Siti Zaharah diharap dapat melaksanakan tugas untuk Wanita Umno dengan lebih mantap dan mempunyai lebih banyak masa untuk menganjur pelbagai program demi kebaikan Wanita akar umbi.

Bagaimanapun, selepas hampir tiga tahun berlalu, kemampuannya untuk mengemudi bahtera Wanita Umno mula timbul persoalan. Apakah beliau tidak mendapat sokongan daripada Wanita Umno atau sukar baginya menguruskan ahli jawatankuasanya mewakili pelbagai golongan profesional dan cerdik pandai?

Selain pelancaran Amanah Saham Wanita (Asnita) yang diuruskan sepenuhnya oleh Hijrah Unit Trust Management Bhd pada tahun lalu, pelancaran program Gerak Mesra dan Gerak 10, pergerakan itu masih belum menunjukkan taringnya.

Berikutan itu, kekecewaan mulai timbul terutama di kalangan penyokong ketua lama dan secara tidak langsung menimbulkan jurang antara mereka dengan penyokong Dr Siti Zaharah.

Menyedari hal ini dan betapa pentingnya sumbangan Wanita Umno kepada usaha Barisan Nasional (BN) bagi mengekalkan kecemerlangan pada pilihan raya akan datang, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir, mengarahkan satu pertemuan diadakan.

Perbincangan pada petang 30 Julai lalu ternyata banyak memberi manfaat dan kesan kepada semua ahli jawatankuasa yang hadir. Menyedari betapa pentingnya perpaduan dan kerjasama sesama mereka, maka semuanya berikrar untuk bersatu padu demi menjaga perpaduan parti.

Bagi memastikan Wanita Umno terus mantap dan bergerak pantas, Perdana

Menteri mengarahkan beberapa perkara dilakukan. Antaranya ialah Exco Wanita perlu mengadakan mesyuarat setiap dua minggu sekali; Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob akan menghadiri setiap mesyuarat berkenaan; dan semua program Wanita Umno perlu diserahkan terus kepada Perdana Menteri.

Semua anggota Exco sama ada penyokong atau bukan penyokong Dr Siti Zaharah keluar daripada pertemuan itu dengan tekad yang satu, bersatu demi perpaduan parti.

Tetapi alangkah terkejutnya ahli Exco Wanita apabila Dr Siti Zaharah dua hari selepas itu dalam satu sidang akhbar bersama penolong setiausahanya, Zuraidah Musib, mengumumkan rombakan pada senarai barisan kepemimpinannya, dengan menggugurkan beberapa nama dan memasukkan anggota baru.

Seramai 15 anggota Exco di samping kira-kira 70 ahli Pergerakan Wanita lain menunggu Perdana Menteri di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, pada 3 Ogos lalu, sekembalinya beliau dari lawatan dari Ipoh, untuk mengadu apa yang berlaku dan meminta beliau meleraikan kekusutan.

Mesyuarat MT membuat keputusan supaya rombakan itu dibatalkan dan mengumumkan tidak akan ada sebarang rombakan sehingga selepas pilihan raya.

Sebagai seorang ketua, Dr Siti Zaharah sepatut lebih berani menghadapi cabaran. Ikrar ahli Exconya untuk terus memberi sokongan padu dan bekerjasama bagi menghadapi pilihan raya tidak harus dipandang remeh.

Beliau perlu mengadakan pertemuan dengan semua exconya secepat mungkin dan menjelaskan apa yang berlaku. Pergerakan Wanita Umno bersama gandingan Wanita BN yang lain adalah faktor penting untuk menentukan kejayaan BN pada pilihan raya akan datang dan ia telah dibuktikan ketika pilihan raya di Sabah baru-baru ini. Justeru, Dr Siti Zaharah perlu melakukan sesuatu untuk memperbaiki kewibawaannya.

(END)